

## Pra-pendaftaran Pengisytiharan Amanah Secara Dalam Talian di Portal myASNB

### Soalan Lazim

1. Apakah yang dimaksudkan dengan pra-pendaftaran Pengisytiharan Amanah?

Pra-pendaftaran Pengisytiharan Amanah adalah kemudahan terbaharu untuk perkhidmatan perwarisan ASNB di mana proses pengisian borang permohonan dibuat secara dalam talian di portal myASNB ([www.myasnb.com.my](http://www.myasnb.com.my)).

2. Apakah yang perlu saya lakukan selepas membuat pra-pendaftaran Pengisytiharan Amanah di portal myASNB?

Setelah pra-pendaftaran dibuat di portal myASNB, serahkan dokumen yang dicetak dan dilengkapkan berikut ke cawangan ASNB atau Ejen yang mengambil bahagian:

Surat Kuasa Wakil

Dokumen salinan pengenalan diri yang telah disahkan dari salinan asal

Serahan dokumen adalah dalam tempoh 30 hari kalender dari tarikh pra-pendaftaran.

3. Apakah yang berlaku sekiranya saya tidak menghantar dokumen yang diperlukan ke cawangan ASNB atau Ejen yang mengambil bahagian dalam tempoh 30 hari kalender tersebut?

Permohonan pra-pendaftaran anda tersebut akan dipadam dari rekod ASNB.

Sekiranya anda masih berminat, anda boleh membuat pra-pendaftaran semula di portal myASNB.

Tempoh sah 30 hari kalender akan dikira mengikut tarikh penghantaran pra-pendaftaran yang baharu.

4. Bolehkah saya tidak mencetak dan tidak melengkapkan dokumen Surat Kuasa Wakil sebelum hadir ke cawangan ASNB atau Ejen yang mengambil bahagian?

Permohonan Pengisytiharan Amanah menggunakan perkhidmatan pra-pendaftaran secara dalam talian adalah bertujuan untuk memendekkan keseluruhan proses pendaftaran di mana anda telah lengkap mengisi semua maklumat diperlukan dan seterusnya mencetak dokumen berkaitan. Dokumen yang lengkap penting untuk mempercepatkan proses pendaftaran di cawangan ASNB.

5. Bolehkah saya membuat sebarang pindaan setelah permohonan pra-pendaftaran saya dihantar secara dalam talian?

Sekiranya permohonan pra-pendaftaran anda telah dihantar secara dalam talian, sebarang pembetulan atau pindaan hanya boleh dilakukan di cawangan ASNB atau Ejen yang mengambil bahagian berhampiran anda.

6. Adakah sebarang yuran dikenakan setelah saya menghantar permohonan pra-pendaftaran secara dalam talian?

Tiada bayaran dikenakan untuk pra-pendaftaran.

Yuran perkhidmatan perlu dijelaskan apabila selesai pendaftaran di cawangan ASNB atau Ejen yang mengambil bahagian.

7. Adakah Penerima dan Saksi perlu hadir bersama-sama dengan saya ketika penghantaran borang ini ke cawangan ASNB atau cawangan Ejen yang mengambil bahagian?

Tidak perlu.

Ini adalah kerana melalui pra-pendaftaran secara dalam talian, ianya membolehkan anda terus mencetak dan melengkapkan dokumen yang diperlukan dan menyerahkannya ke cawangan ASNB atau cawangan Ejen yang mengambil bahagian.

8. Saya telah mendaftar dan telah menerima Surat Ikatan Pengisytiharan Amanah saya. Bolehkan saya membuat penukaran maklumat atau pindaan ke atas pendaftaran terdahulu melalui pra-pendaftaran?

Tidak boleh kerana pra-pendaftaran hanyalah untuk pendaftaran pertama kali sahaja.